



Headline: Pesara lesap RM264,950 kena tipu Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 6 July 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 21

Selepas membuat semua pembayaran, mangsa sering berhubung dan bertanyakan status wangnya, namun dimarah dan diminta menunggu bagi proses berkenaan

Zulkipli Suhaili,
Ketua Polis Daerah Sibu



Pesara lesap RM264,950 kena tipu Macau Scam

Mangsa panik dapat panggilan mempunyai bungkusan mengandungi dadah

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

Sibu: Seorang pesara wanita kerugian RM264,950 selepas diperdaya sindiket Macau Scam, yang menyamar sebagai pegawai pejabat Pos dan pegawai polis Sabah.

Ketua Polis Daerah Sibu, Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili, berkata ketika berada di rumah, mangsa berusia 59 tahun, menerima panggilan daripada ‘pegawai’ terbabit kira-kira jam 12.30 tengah hari pada 29 Mei lalu yang mengatakan dia dari pejabat Pos Kuala Lumpur.

Katanya, suspek memberitahu mangsa mempunyai bungkusan, sebelum talian disambungkan kepada pegawai polis di Sabah yang kemudian menyatakan bungkusan itu mengandungi dadah.

“Kerana bimbang ditahan, mangsa akur dengan arahan suspek iaitu membuat pembayaran kepada empat nombor akaun bank,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, mangsa

memasukkan sejumlah RM264,950 ke dalam empat akaun bank itu melalui 16 transaksi secara perbankan internet dan CDM mulai 29 Mei hingga 11 Jun lalu.

Zulkipli berkata, dalam tempoh itu, mangsa dilarang memberitahu sesiapa agar perkara berkenaan tidak diketahui umum bagi mengelakkan mangsa ditahan oleh pihak polis.

Katanya, mangsa turut dijanjikan bahawa wangnya itu akan dipulangkan selepas wang itu disemak oleh pihak polis dan Jabatan Audit Negara.

“Selepas membuat kesemua pembayaran, mangsa sering berhubung dan bertanyakan status wangnya, namun dimarah dan diminta menunggu bagi proses berkenaan,” katanya.

Beliau berkata, mangsa yang curiga kemudian tam-pil membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibu, kelmarin.

Justeru, Zulkipli menasihati orang ramai agar tidak panik selepas menerima panggilan telefon dari mana-mana pihak berkuasa dan hendaklah membuat pertanyaan atau semakan terlebih dahulu di jabatan berkenaan bagi mengelak ditipu.

Katanya, orang ramai juga boleh menghubungi CCID Scam Response Centre di talian 03-26101559/03-26101599 atau memuat naik aplikasi semak mule <http://semakmule.rmp.gov.my> atau ikuti laman Facebook @CyberCrimeAlertRMP @JSJKPDRM.